

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]**

**TARIKH : 22 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8630**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- a) jumlah bilangan terkini pekerja-pekerja Bangladesh di Malaysia (sah dan tidak sah); dan
- b) bilakah pekerja-pekerja Bangladesh seramai 1.5 juta orang tersebut akan dibawa masuk ke Malaysia.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a) **Jumlah pekerja asing warganegara Bangladesh yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) sah dan aktif yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Disember 2015 adalah seramai 282,437 orang.**

**Kerajaan tidak mempunyai anggaran tepat jumlah PATI yang berada di dalam Negara termasuk daripada kalangan warganegara Bangladesh. Namun begitu, kerajaan sentiasa peka terhadap senario kebanjiran PATI di Malaysia dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berterusan bertujuan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang berada di dalam negara. Selain itu, Kerajaan turut memberikan tumpuan kepada program *Rehiring* untuk memberi peluang kepada PATI yang berada di dalam Negara untuk bekerja secara sah.**

- b) **Berhubung angka kemasukan 1.5 juta pekerja Bangladesh tersebut, perlu dijelaskan bahawa ianya bukanlah satu angka yang mutlak. Ini kerana jumlah sebenar kemasukan pekerja Bangladesh akan bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat dan akan dinilai berdasarkan kelayakan serta kemampuan setiap majikan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti memberi keutamaan pekerjaan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu.**

**Malahan, Kerajaan juga sangat berhati-hati dalam perkara ini agar peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan tidak terjejas dan sentiasa dilindungi. Penetapan ini bukan sahaja dikenakan kepada negara Bangladesh tetapi juga kepada semua negara sumber yang dibenarkan.**

**Kerajaan pada 19 Februari 2016 telah memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan pengambilan pekerja asing baharu termasuk pekerja warganegara Bangladesh sehingga Kerajaan berpuas hati dengan keperluan sebenar oleh pihak industri. Kerajaan juga menggalakkan pihak industri untuk menggajikan pekerja tempatan.**